



**MAJLIS DAERAH BACHOK BANDAR PELANCONGAN ISLAM**  
**IKLAN JAWATAN KOSONG**

**1. Jawatan : Penolong Pegawai Penguat Kuasa Gred KP29**

Kumpulan : Pelaksana  
Kekosongan : 1  
No. Fail : MDB/199/1/60  
Taraf Jawatan : Tetap  
Jadual Gaji KP29 : Min : RM1,493.00 – Max : RM5,696.00  
( Kadar Kenaikan Gaji Tahunan : RM145.00 )

**Syarat lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia; dan
- b) berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c)
  - i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29:RM1,493.00); atau
  - ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29:RM1,493.00); atau
  - iii. Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29:RM1,493.00);
  - iv. Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29:RM1,770.95).
  - v. Diploma dalam bidang undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29:RM1,846.15).

- d) dan mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pacaindera seperti yang berikut:
- i. tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - ii. berat badan sekurang-kurangnya 48 kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - iii. mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
  - iv. mempunyai sekurang-kurangnya 81sm ukuran dada yang biasa dan 86sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
  - v. lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  - vi. pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - vii. diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

### **Syarat Bahasa Melayu**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

<b>2. Jawatan</b>	<b>: Pembantu Penguatkuasa Gred KP19</b>
Kumpulan	: Pelaksana
Kekosongan	: 3
No. Fail	: MDB/199/1/29
Taraf Jawatan	: Tetap
Klasifikasi	: Keselamatan dan Pertahanan Awam
Jadual Gaji KP19	: Min : RM1,360.00 – Max : RM4,052.00 ( Kadar Kenaikan Gaji Tahunan : RM100.00 )

### **Syarat lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia; dan
- b) berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c)
  - i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- (Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,360.00); atau
- ii. bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.  
(Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,360.00); atau
  - iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,416.40); atau
  - iv. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,472.80)
- d) dan memenuhi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
- i. tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - ii. berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - iii. mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
  - iv. mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
  - v. lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  - vi. pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - vii. diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

### **Syarat Bahasa Melayu**

Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perkara (c)(i), (c)(iii) dan (c)(iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

<b>3. Jawatan</b>	<b>: Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19</b>
Kumpulan	: Pelaksana
Kekosongan	: 1
No. Fail	: MDB/199/1/39/1
Taraf Jawatan	: Tetap
Klasifikasi	: Pentadbiran dan Sokongan
Jadual Gaji N19	: Min : RM1,352.00 – Max : RM4,003.00 ( Kadar Kenaikan Gaji Tahunan : RM100.00 )

### **Syarat lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia; dan
- b) berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c)
  - i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,352.00) atau
  - ii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,408.40) atau
  - iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,464.80)

### **Syarat Bahasa Melayu**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **Deskripsi Tugas**

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

## **CARA MEMOHON:**

- a. Semua permohonan hendaklah menggunakan **borang permohonan Jawatan MDBBPI.1** berharga RM3.00 atau mengirim sampul beralamat sendiri berukuran 32 cm x 22 cm beserta wang pos bernilai RM3.00 di atas nama Yang Dipertua Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam serta setem ke alamat berikut atau boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam, 16300 Bachok, Kelantan.
- b. **Satu permohonan** jawatan sahaja boleh diisi menggunakan satu **borang permohonan jawatan MDBBPI.1**
- c. Borang permohonan hendaklah ditandatangani dan disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport, salinan Kad Pengenalan, Lesen Memandu, Sijil Kelahiran, Sijil-Sijil Persekolahan,sijil/diploma/ijazah yang berkaitan, keputusan peperiksaan akhir bagi kelayakan yang disyaratkan dan lain-lain dokumen pengesahan yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon **yang telah disahkan.**
- d. Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 dan menyertakan bersama-sama dengan Kenyataan Perkhidmatan yang kemaskini dan Laporan Prestasi.
- e. Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH BACHOK BANDAR PELANCONGAN ISLAM,  
16300 BACHOK KELANTAN.**

- f. Tarikh Jawatan Diiklankan : 26 Disember 2023
- g. Tarikh Tutup Permohonan : 08 Januari 2024
- h. Catatan Am
  - d) Permohonan yang tidak lengkap dan memenuhi syarat akan ditolak.
  - e) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemuduga.
  - f) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.